



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 13 JUN 2023**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3.	PAHIT GETIR PENGUSAHA MADU ASLI, NEGERI, SH -24 MADU KELULUT JADI PENDAPATAN SAMPINGAN, DLM NEGERI, UM -34 TERNAK KELULUT DEK SUKAR DAPAT MADU ASLI, NEGARA, KOSMO -18	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
4. 5.	ISU NELAYAN MELAKA CEROBOK KAWASAN PERAIRAN PD AKAN DITELITI, NEGERI, SH -21 BRIGHT DAYS AHEAD FOR OYSTER FARMERS IN MANGKABONG BAY, HOME, BORNEO POST -5	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
6.	AGROBANK SEDIA DANA UNTUK SEKOLAH, NASIONAL, SH -7	AGROBANK
7.	FAMA SASAR JUALAN RM350 JUTA DI RTC KELANTAN, BISNES, SH -27	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
8. 9. 10. 11.	BELIA PEMANGKIN MASA DEPAN SEKTOR PERTANIAN, PENDIDIKAN, UM -25 HNG BLAST GOVT MAKING CONSTANT CHANGES TO POLICY, NATION, KWONG WAH YIT POH -A14C TAN TELLS MINISTER DO NOT MAKE CONSTANT CHANGES ON POLICY, NATION, KWONG WAH YIT POH -A14B TAN: EFFECTIVE SUBSIDY SCHEME NEEDED TP AVOID FOOD SUPPLY CRISIS, NATION, KWONG WAH YIT POH -A14A	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/6/2023	SINAR HARIAN	NEGERI	24

Pahit getir pengusaha madu asli

Kesukaran mendapatkan madu asli dorong Zolkefli ternak empat spesies lebah kelulut

GUA MUSANG

Menyedari kesukaran untuk mendapatkan madu asli, Zolkefli Rashid, 28, memberanikan diri menceburi perniagaan madu dengan menternak empat spesies lebah kelulut iaitu *Trigona Itama*, *Trigona Torasica*, *Trigona Terminata* dan *Trigona Canifrons*.

Zolkefli berkata, walaupun mengetahui bakal berdepan cabaran dan risiko



Zolkefli membersihkan sarang lebah kelulut di halaman belakang rumahnya di Kampung Kundur.

tetapi kerana minat mendalam mengenai madu lebah menyebabkan dia mengusahakan lebah kelulut di Kampung Kundur di sini, sejak lima tahun lalu.

"Pada mulanya saya hanya pelihara satu log sarang lebah kelulut untuk kegunaan sendiri. Saya mula sedar mengenai khasiatnya, namun agak sukar untuk mendapatkan madu asli di pasaran.


"Saya kemudiannya menambah log sarang sedikit demi sedikit dan kini memiliki lebih 20 log yang diletakkan di sekitar halaman belakang rumah," katanya kepada pemberita di rumahnya dekat Kampung Kundur di sini pada Isnin.

Zolkefli yang juga bekerja sebagai penjual sayur di Pasar Borong Gua Musang berkata, selain mendapatkan khidmat nasihat daripada kenalan perternak lebah, dia turut menggunakan media sosial sebagai sumber rujukan berhubung kaedah menternak lebah kelulut yang betul termasuk cara terbaik menghasilkan madu berkualiti.

"Antara pengalaman atau cabaran ketika saya mengusahakan madu lebah ialah pernah ditipu dan membeli log sarang yang rosak sehingga ibu lebah kelulut yang dipelihara lari meninggalkan sarang, selain log sarang diserang haiwan seperti katak, cicak serta semut.

"Saya juga berpuas hati apabila dapat menyedut madu daripada kantung-kantung kecil dalam setiap log sarang lebah kelulut setiap bulan dan memperoleh hasil madu sekitar satu hingga lebih dua kilogram selepas tempoh matang," katanya yang mampu meraih pendapatan hampir RM1,000 sebulan.

Tambah Zolkefli, madu kelulut tersebut dijual pada harga yang berpatutan dan mengikut saiz botol antara RM30 hingga RM180 sebotol. -Bernama



Zolkefli mengakui pernah ditipu membeli log sarang yang rosak.

FOTO: BERNAMA



Madu kelulut dijual pada harga antara RM30 hingga RM180 sebotol mengikut saiz.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/6/2023	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	34

Madu kelulut jadi pendapatan sampingan

Oleh AIMUNI TUAN LAH
 utusannews@mediamula.com.my

GUA MUSANG: Empat jenis spesies kelulut iaitu *Trigona Itama*, *Trigona Thorasica*, *Trigona Terminata* dan *Trigona Canifrons* menjadi 'rahsia' buat seorang pemuda mendapatkan madu berkualiti.

Zolkefli Rashid, 28, berkata, dia sama sekali tidak menyangka hasil tersebut mampu menepati citarasa penggemar madu sekali gus menyaksikan dia menerima tempahan tinggi daripada pelanggan.

"Pada awal pembabitan saya hanya membeli satu log atau sarang kelulut lima tahun lalu. Bermula secara suka-suka untuk mengisi masa terluang, lama-kelamaan saya seperti 'ketagih' untuk memelihara lebah.

"Mulanya, ia hanya untuk kegunaan sendiri. Namun, hasilnya yang semakin banyak menyebabkan saya terfikir untuk membuat jualan sehingga menjadi pendapatan sampingan," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* di Kampung Kundur, di sini semalam.

Zolkefli memberitahu, dia menambah log sarang dan kini memiliki lebih 20 log yang diletakkan di sekitar halaman belakang rumahnya.

Katanya, selain belajar memelihara lebah kelulut sendiri, dia banyak bertanya kepada rakan-rakannya yang terlebih dahulu mengusahakannya.

"Pada masa sama, saya turut mendapatkan maklumat daripada media sosial mengenai kaedah betul memelihara lebah kelulut termasuk cara yang terbaik bagi menghasilkan madu berkualiti.

"Saya berpuas hati apabila setiap log sarang lebah kelulut dapat menghasilkan madu purata antara satu hingga lebih dua kilogram selepas tempoh matang. Kelebihan kelulut adalah madunya boleh diambil setiap bulan apabila kotak sarang telah penuh dan madu berada di dalam kantung-kantung kecil," ujarnya.

Zolkefli berkata, madu kelulut itu dijual dengan harga RM30 bagi setiap botol 120 gram, RM60 untuk 270 gram dan RM180 bagi sekilogram.



ZOLKEFLI Rashid menunjukkan hasil madu yang diusahakan di belakang rumahnya di Kampung Kundur, Gua Musang, Kelantan. - UTUSAN/AIMUNI TUAN LAH

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/6/2023	KOSMO	NEGARA	18

Ternak kelulut dek sukar dapat madu asli

GUA MUSANG – Kesukaran untuk mendapatkan madu asli di pasaran mendorong seorang pembantu pasar borong dari Kampung Kunder di sini mengusahakan sendiri ternakan kelulut di belakang rumahnya.

Zolkefli Rashid, 28, berkata, dia mula membeli satu log atau sarang kelulut ketika memulakan ternakan kelulut kira-kira lima tahun lalu.

Katanya, dia pada awalnya menternak kelulut secara sukanya untuk mengisi masa terluang, namun lama-kelamaan semakin obses untuk memelihara spesies lebah itu.

“Saya kemudian menambah log sarang dan kini memiliki lebih 20 log yang diletakkan di sekitar halaman belakang rumah.

“Madu kelulut itu pada awalnya digunakan untuk diri sendiri, namun hasilnya yang semakin banyak menyebabkan saya terfikir untuk menjualnya,” katanya di Kampung Kunder di sini semalam.

Zolkefli memberitahu, selain belajar menternak kelulut sendiri, dia banyak bertanya

kepada rakan-rakannya yang terlebih dahulu mengusahakannya.

Katanya, dia juga mendapatkan maklumat dari media sosial mengenai kaedah yang betul untuk menternak kelulut termasuk cara terbaik bagi menghasilkan madu berkualiti.

“Saya berpuas hati apabila setiap log sarang kelulut dapat menghasilkan madu purata antara 1 hingga lebih 2 kilogram selepas tempoh matang.

“Kelebihan kelulut adalah madunya boleh diambil setiap bulan apabila kotak sarang penuh dan madu berada di dalam kantung-kantung kecil,” katanya.

Tambahnya, dia ketika ini menternak empat spesies kelulut iaitu trigona itama dan trigona thorasica, trigona terminata dan trigona canifrons.

Katanya, madu kelulut itu dijual pada harga RM30 bagi setiap botol 120 gram, RM60 untuk 270 gram dan RM180 bagi sekilogram.

“Madu kelulut mempunyai khasiat tersendiri kepada kesihatan badan,” katanya.



Isu nelayan Melaka ceroboh kawasan perairan PD akan diteliti



Ab Rauf (tiga dari kiri) menyampaikan bayaran insentif sara hidup *one-off* fasa dua dan tiga kepada 316 nelayan Melaka Barat di Kompleks Japerun Tanjung Bidara di sini pada Isnin.

ALOR GAJAH - Kerajaan negeri Melaka belum menerima sebarang laporan berhubung dakwaan nelayan Negeri Sembilan bahawa nelayan negeri ini menceroboh kawasan perairan mereka.

Ketua Menteri, Datuk Seri Ab Rauf Yusoh berkata, setakat ini beliau tidak dapat mengulas lanjut kerana masih menunggu laporan berkenaan memandangkan persempadanan perairan nelayan dikawal selia oleh kedua-dua jabatan perikanan di kedua-dua negeri.

"Kita belum dapat lagi laporan tentang pencerobohan ini kerana persempadanan perairan nelayan dikawal selia oleh kedua-dua jabatan perikanan negeri.

"Saya rasa isu antara dua negeri bukanlah pencerobohan kerana pen-

cerobohan ini kalau masuk negara orang," katanya.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas dakwaan nelayan dari tiga kampung di Port Dickson, mengenai pencerobohan nelayan Melaka yang menjejaskan tangkapan mereka.

Sebelum itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tanjung Bidara itu menyampaikan bayaran insentif sara hidup *one-off* fasa dua dan tiga kepada 316 nelayan Melaka Barat di Kompleks Jawatankuasa Pembangunan dan Penyelarasan Dewan Undangan Negeri (Japerun), Tanjung Bidara di sini pada Isnin.

Sementara itu, Exco Kemajuan Desa, Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Dr Muhammad Akmal Saleh yang ditemui ber-

kata, sewajarnya diwujudkan persempadanan kawasan yang lebih jelas di antara dua negeri berjiran itu bagi mengelakkan masalah timbul dan berulang seperti ini.

Menurutnya, Jabatan Perikanan negeri dan Jabatan Laut Malaysia juga akan memantau dan mencari solusi terbaik berhubung dakwaan nelayan berkenaan.

Tambah beliau, Agensi Penguatkuasa Maritim Malaysia turut akan memantau dan tindakan tegas akan diambil sekiranya terbukti berlaku pelanggaran kawasan.

"Kadang-kadang kita tidak boleh salahkan nelayan. Mereka ini kadang-kadang bila pasang jaring ia hanyut sampai ke sebelah. Jadi bukan niat mereka (ceroboh)," ujarnya.

Headline	Bright days ahead for oyster farmers in Mengkabong Bay		
MediaTitle	Borneo Post (KK)		
Date	13 Jun 2023	Color	Full Color
Section	Home	Circulation	18,290
Page No	5	Readership	54,870
Language	English	ArticleSize	261 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,455
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 4,366



Bright days ahead for oyster farmers in Mengkabong Bay

KOTA KINABALU: An 18-month long social investment project which was sponsored by Hibiscus Petroleum Berhad in collaboration with the Sabah Fisheries Department to develop seven selected participants from the B40 group in Mengkabong Bay, Tuaran, into competent oyster agropreneurs ended on a high note last Thursday.

The project was launched as a capacity building initiative 18 months ago to enable the participants from nearby Kampung Lentuong in Mengkabong to acquire skills in oyster rearing as a way of generating a sustainable income to uplift their livelihood and that of their families.

Under the collaboration, Hibiscus sponsored the starting-up equipment and farm tools while Sabah Fisheries Department was responsible for allocating farm lots, taught theory and practical skills on the oyster farming system, exposed the participants to fish rearing management as well as basic booking and inventory.

Sabah Fisheries Department director Azhar Kassim said the results from the participants have been impressive but he urged them not to become complacent as the long-term journey had just begun for them.

He gave his assurance that the Fisheries Department would continue to nurture, monitor and assist the participants with



The top three participants, Hareney (second right), Mahali (left) and Korina (right) with Fisheries and Hibiscus Petroleum officials, Azhar (fourth left), Hanfi (third left) Eddie (second left).

technical inputs and expansion plans in the future.

"There is a high expectation on this project as long as the participants remain steadfast to the commitment they took under oath some 18 months back," Azhar remarked.

At the recent closing ceremony, Hibiscus Petroleum Berhad presented RM2,000 cash awards to the top three participants of the project through an overall assessment conducted by Fisheries Department.

Thirty-seven-year-old Hareney bt Sabli won first place and RM1,000 while the second and third winners were 27-year-old Mahali bin Marusin and 30-year

old Puan Korina Drah, each receiving RM700 and RM500 respectively.

According to the sales statistics provided by Fisheries Department, the top participant Hareney had produced 1,669 tons of oysters and earned RM7,771 in revenue for her efforts through the project.

Azhar expressed his deep appreciation to Hibiscus Petroleum whom he singled out as being the first private organisation to sponsor an initiative like this just-concluded one in the last 20 years.

Hibiscus Petroleum was represented at the closing ceremony by the company's Head

of HSSE, AB Hanfi Abd Mannan.

Also present was Hibiscus' Community & Government Relations Leader, Datuk Eddie Abdullah, who was understood to be instrumental in initiating and working in tandem with Fisheries officials during the project phases.

According to Azhar further, his department has long identified Mengkabong Bay as suitable for oyster farming and there are still plenty of potentials due to the availability of space in the Bay itself.

Currently, oyster farmers from Mengkabong Bay contribute some 25 per cent to the State's annual production.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/6/2023	SINAR HARIAN	NASIONAL	7

Agrobank sedia dana untuk sekolah

Salur RM240,000 untuk Program Rakan Tani Muda Agrobank

Oleh ASWANY OMAR
KOTA BHARU

Bagi memupuk minat bertani dalam kalangan murid, Agrobank menyediakan dana sebanyak RM240,000 untuk Program Rakan Tani Muda Agrobank melibatkan 80 sekolah di seluruh negara.

Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, Datuk Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin berkata, program itu merupakan inisiatif Agrobank bertujuan membangunkan pendidikan berteraskan pertanian.

Beliau berkata, usaha yang dilancarkan Mac lalu itu juga bagi membina keupayaan dan kestabilan sektor pertanian pada masa hadapan sesuai dengan elemen kelestarian.

"Ia juga sejajar dengan Dasar Teknologi Hijau Kebangsaan dan dalam memodenkan projek pertanian, kita perlu bergerak seiring dengan peralihan global ke arah amalan pertanian lestari.

"Bagaimanapun, kita mempertimbangkan untuk menambah dana kerana menerima banyak permintaan daripada pihak sekolah untuk program ini," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas Majlis Penyerahan Simbolik Dana untuk Program Rakan Tani Muda Agrobank di Sekolah Kebangsaan Sultan Ismail 1 di sini, pada Sabtu.

Pada program sama, sebanyak 11 sekolah terpilih di sekitar Kelantan dan Terengganu menerima dana berjumlah RM3,000 setiap sekolah.

Industri agro

Menurut Tengku Ahmad Badli Shah, sejajar dengan Dasar Sekuriti Makanan



Tengku Ahmad Badli Shah (tengah) bersama wakil sekolah dari Kelantan dan Terengganu yang menerima dana untuk Program Rakan Tani Muda Agrobank.



TENGGU AHMAD BADLI SHAH

“

Kita perlu mewujudkan elemen keterujaan kepada generasi muda bahawa sektor pertanian mampu menjanjikan masa depan yang baik,

- Datuk Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin
Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank

Negara 2021-2025, Agrobank terpacu untuk mempersiapkan generasi muda sebagai pelapis bagi mendepani cabaran industri agro dan pemangkin keterjaminan makanan khususnya di Malaysia.

Jelasnya, pada bulan lepas, Agrobank turut menyampaikan serahan sumbangan dana kepada 15 sekolah terpilih sekitar Kuala Lumpur,

Selangor dan Negeri Sembilan.

Sementara itu, beliau turut berkongsi mengenai pertandingan Rakan Tani Muda yang akan bermula bulan ini sehingga September depan.

Katanya, sesi penjurian serta penilaian akan dilakukan sepanjang Oktober.

"Kami menerima banyak borang permohonan tetapi mendahului sekolah

yang terawal menghantar penyertaan," katanya.

Tambah beliau, empat kategori tanaman yang akan dipertandingkan iaitu konvensional, fertigasi, hidroponik dan akuaponik.

Bagaimanapun, jelas Tengku Ahmad Badli Shah, antara jenis tanaman yang dibenarkan ialah tanaman kontan, sayuran, herba dan tanaman yang memenuhi elemen yang memenuhi elemen sekuriti makanan.

"Setiap sekolah perlu mewujudkan reka bentuk pertanian pintar berteraskan penggunaan bahan kitar semula bagi meningkatkan kelestarian alam sekitar," katanya.

Kepelbagaian teknologi

Beliau juga yakin pertanian boleh menjadi sektor penting melalui kepelbagaian teknologi dan inisiatif sama ada melibatkan kerajaan atau produk yang ditawarkan oleh perbankan.

"Kita perlu mewujudkan elemen keterujaan kepada generasi muda bahawa sektor pertanian mampu menjanjikan masa depan yang baik," katanya.

Pada program itu juga, Agrobank turut menyampaikan zakat kepada 50 murid asnaf di sekolah itu.

Sementara itu, Penolong Kanan Hal Ehwal Murid, Sekolah Kebangsaan Kota di sini, Wan Nor Azani Wan Aziz berkata, dana yang diterima membolehkan murid melakukan sesuatu yang berfaedah.

Menurut beliau, sebelum ini sekolah berkenaan menanam sayuran di atas tanah dan hasilnya dimasukkan dalam tabung sekolah untuk manfaat pelajar.

"Dana ini untuk dijadikan modal menanam tanaman baharu dan boleh dipelbagaikan bagi menggalakkan murid melakukan aktiviti berfaedah," katanya.



Tengku Ahmad Badli Shah menyampaikan zakat kepada 50 murid asnaf di Sekolah Kebangsaan Sultan Ismail 1.



Tengku Ahmad Badli Shah (tengah) menyampaikan dana kepada wakil Sekolah Kebangsaan Sultan Ismail 1.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/6/2023	SINAR HARIAN	BISNES	27

Fama sasar jualan RM350 juta di RTC Kelantan

KOTA BHARU - Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) menasarkan sebanyak RM350 juta jualan pelbagai produk pertanian, di Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) Kelantan pada tahun ini.

Pengerusinya, Abdul Rashid Bahri berkata, sehingga Mei tahun ini, sebanyak RM122 juta hasil jualan diperolehi berbanding RM320 juta nilai jualan dicatatkan tahun lalu.

“Pemodenan kaedah niaga dalam kalangan penjaja kecil turut ditambah baik, meliputi aspek penyediaan premis, kemudahan yang lebih tersusun dan bersih, sekali gus memberi keselesaan kepada pengunjung, selain meningkatkan pendapatan usahawan serta penjaja.

“RTC Kelantan merupakan pusat pemasaran hasil pertanian borong dan runcit yang utama di negeri Kelantan, dan kita anggarkan seramai 1.5 juta pengunjung dijangka bertandang

ke sini pada tahun ini,” katanya dalam kenyataan pada Isnin.

Mengulas lanjut, Abdul Rashid berkata, pihaknya turut menyediakan lot niaga melibatkan seramai 805 usahawan, yang beroperasi setiap hari.

“Pada masa ini, komponen sedia ada terdiri daripada Blok Pentadbiran, Blok Peruncitan, Blok Pemborongan dan Blok Pelbagai, selain turut memiliki medan selera, tapak Florikultur, Pasarina dan Tapak Ekspo.

“RTC Kelantan turut menyediakan kemudahan penyewaan premis bagi pengurusan kursus, acara dan majlis-majlis, yang dilengkapi dengan kemudahan seperti parkir yang luas serta fasiliti yang kondusif iaitu dewan dan surau,” katanya.

Beliau berkata, RTC Kelantan sedang menaik taraf pusat pemborongan kuih bernilai RM200,000 dan pembinaan bilik sejuk serta stor penyimpanan produk pertanian berjumlah RM2 juta. - *Bernama*

FOTO: FAMA



Pemodenan kaedah niaga meliputi aspek penyediaan premis, kemudahan yang lebih tersusun dan bersih menjadi keutamaan demi keselesaan kepada pengunjung.

Belia pemangkin masa depan sektor pertanian

Oleh **NOOR ESZEREEN JUFERI dan NUR SYAMILA KAMARUL AREFIN**
gayautusan@mediamula.com.my

BARU-baru ini, isu kekurangan bekalan makanan hangat diperkatakan susulan kebergantungan negara kepada makanan import.

Bukan itu sahaja, sektor pertanian kini turut dimonopoli oleh tenaga kerja warga asing kerana kebanyakan belia tidak berminat untuk menceburinya.

Kebanyakan lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) lebih cenderung memilih kerjaya sebagai pempengaruh dan terlibat dalam ekonomi gig yang merupakan trend masa kini.

Hal itu kerana, pekerjaan berkenaan boleh dilakukan secara bebas dengan pendapatan segera.

Pensyarah Kanan, Jabatan Pengurusan Tanah, Fakulti Pertanian, Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr. KS Daljit Singh berkata, golongan belia perlu terlibat dalam bidang pertanian bagi menjamin kelestarian bekalan makanan untuk generasi akan datang.

"Negara maju seperti Amerika Syarikat, Eropah, Jepun dan Thailand masih mengekalkan kepentingan pertanian untuk memastikan bekalan makanan sentiasa mencukupi.

"Justeru, pertanian negara perlu diangkat serius bagi melihat prospek kerjaya di bidang tersebut," katanya.

Daljit Singh bimbang, jika negara masih bergantung kepada pekerja asing dan petani sudah berusia maka, tiada pelapis dalam bidang berkenaan sekali gus akan menjejaskan sektor pertanian.

"Kita tidak mahu pengaliran keluar mata wang ke luar negara memberi impak negatif terhadap ekonomi Malaysia kerana sektor ini mampu menjana pulangan bermanfaat dalam jangka masa panjang," katanya.

Sehubungan itu, beliau menyarankan bidang pertanian diperkenalkan di peringkat sekolah bagi menarik minat belia di samping memberi pendedahan dan gambaran kerjaya di bidang berkenaan.

"Negara kita mempunyai agensi berkaitan pertanian, perhutanan dan perladangan, malah UPM merupakan antara institusi pengajian tinggi yang mempunyai pelbagai program pertanian serta berperanan dalam memperkenalkan program pengajian serta melahirkan graduan yang menerajui sektor tersebut," katanya.

Sementara itu, pelajar Ijazah Sarjana Pertanian UPM, Shu Goo Long berkata, pendedahan dalam bidang pertanian harus bermula sejak kecil lagi oleh golongan ibu bapa.

Menurut petani strawberi itu, sejak berusia 11 tahun dia sudah membantu ayahnya memotong sayur-sayuran di kebun dari pukul 5 pagi hingga 4 petang.

"Saya meminati bidang pertanian selepas melihat kesungguhan ayah menyara keluarga



PEMBABITAN belia dalam sektor pertanian mampu memastikan kelestarian pengeluaran makanan negara.

sebagai seorang petani.

"Dengan ilmu yang dipelajari di universiti saya memilih untuk bekerja dalam sektor ini," katanya.

Goo Long turut menanam tekad mahu membantu petani mencari penyelesaian dengan membuat kajian bagi menambahbaik hasil pertanian negara di masa depan.

"Sebagai petani muda, saya bercita-cita menjadi saintis dalam bidang pertanian dan usahawan berjaya dengan memanfaatkan teknologi yang ada bagi memudahkan urusan kerja di kebun," katanya.

NOOR Eszereen Juferi dan Nur Syamila Kamarul Arefin dari Pusat Strategi dan Perhubungan Korporat (PSPK).

Headline	Hng blast govt making constant changes to policy		
MediaTitle	Kwong Wah Yit Poh		
Date	13 Jun 2023	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	59,667
Page No	A14c	Readership	179,000
Language	Chinese	ArticleSize	103 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,155
Frequency	Daily	PR Value	RM 3,465



鸡农补贴措施不到24小时U转 方志伟抨朝令夕改

(檳城 12 日讯) 民政党全国总财政方志伟炮轰农业及食品安全部长莫哈末沙布和国内贸易及生活成本部长沙拉胡丁朝令夕改，出尔反尔，才刚宣布 7 月撤销顶价，隔天就宣布继续管控肉鸡和鸡蛋价格。

“朝令夕改，鸡农补贴措施仅一天就大翻转，人民已经对政府丧失信心！”

方氏周一发文告指出，政府不到 24 小时大 U 转，决定继续津贴鸡农与蛋农，同时控管肉鸡与鸡蛋价格，令鸡蛋批发商及肉鸡贩商无所适从，业者甚至表示已对政府感到麻木，不想再看新闻。

“政府讲话不算数，无法让人信赖，从市场反应，可以看出人民已经对政府失望，甚至感到绝望，不想再听政府的任何宣布了。”

他说，这种情况十分悲哀，呼吁人民如果不再相信希盟和国阵政府，就应该在来届大选投选国盟，让国盟赋予人民全新希望！

“如果要拯救我国经济，人民在即将来临的六州选举一定要投选国盟，因为事实证明现有政府无法挽救大马经济，股市猛跌，马币严重贬值，人民看不到国家的未来前景。”

他说，仅仅从政府对鸡蛋和肉鸡价格措施的 U 转之举，就可以看出贩商对政府的失望，因为生活成本不断提高，但他们售卖鸡蛋和肉鸡的利润越来越少，生活苦不堪言。

“政府控制肉鸡和鸡蛋价格，鸡农至少还获得补贴，贩商却只能在微薄利润中挣扎。”

他说，农业及食品安全部长莫哈末沙布原本宣布 7 月起让肉鸡和鸡蛋价格恢复自由浮动，让人民相信鸡蛋和肉鸡供应和价格会跟随市场需求恢复正常，不料不到一天政府就紧急刹车，导致人民信心全失。

“仅仅鸡蛋和肉鸡行业，政府就无法拯救，复苏国家经济从何谈起？”



方志伟。

Headline	Tan tells minister do not make constant changes on policy		
MediaTitle	Kwong Wah Yit Poh		
Date	13 Jun 2023	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	59,667
Page No	A14b	Readership	179,000
Language	Chinese	ArticleSize	119 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,334
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,003



(北海 12 日讯) 马华峇眼区会主席陈诠峰指出, 该区会跟随党中央, 支持目前的团结政府, 但是部长必须有担当, 勿朝令夕改。

他举例, 农业及粮食安全部长莫哈末沙布原本宣布, 国内的肉鸡和鸡蛋价格下月起自由浮动, 但隔天该部门与国贸部却发出联合文告, 指首相同意延续补贴及统制价格措施。

他说, 一项政策推出后, 隔天又收回成命, 这是很夸张的事情。

他希望部长们不要在内阁

陈诠峰吁部长有担当 政策勿朝令夕改

睡觉, 要做好功课, 别让首相替他们的所作所为擦屁股, 当官者要有担当, 真正为民服务, 排解民忧。

他周一发文告时说, 虽然该区会跟随党中央, 支持目前的团结政府, 但也会继续监督政府的运作, 有不对的地方, 就依然与人民站在一起, 为民发声。

此外, 陈诠峰呼吁由希望主导的中央及槟州政府尽快彻底并使用永久性方法, 修补峇眼拉浪亲善园三层楼店屋前路段的路洞。

“暂时性的填补洞口方式已经不管用, 居民们也开始烦躁, 因为影响日常生活, 同时也埋下危害道路使用者安全忧虑。”



马华峇眼区会代表们誓言继续为民请命, 支持也监督团结政府运作。

蝉联马华峇眼区会主席的陈诠峰在马华峇眼区会代表大会上, 正式解散于 2018 年成立的区会执委会。

当天也根据马华党章第 78 及第 78A 条文委任以下区会行政委员会成员:

秘书: 曾伟仁, 财政: 陈耀藩, 组织秘书: 林国锋, 副秘书长: 孔瑞娣, 副财政: 陈柯强, 副组织秘书: 陈招娣。#

Headline	Tan : Effective subsidy scheme needed to avoid food supply crisis		
MediaTitle	Kwong Wah Yit Poh		
Date	13 Jun 2023	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	59,667
Page No	A14a	Readership	179,000
Language	Chinese	ArticleSize	73 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 818
Frequency	Daily	PR Value	RM 2,454



陈家兴:避粮食供应危机 须有效应付津贴申请

(怡保12日讯)国内贸易、企业、生活成本及农业国会特委会成员陈家兴提醒,农业及粮食安全部须确保当局有足够的效率应付鸡农及蛋农的津贴申请,让鸡农及蛋农能及时获得肉鸡与鸡蛋津贴,才不会重蹈国盟覆辙,引发粮食供应危机。



陈家兴(左)派发食物援助予贫困家庭。

也是旁边国会议员的他在甘榜阿拉巴永派发食物援助予贫困家庭后发文告指,根据国会答复,农业部目前已开展几种长短期方案控制鸡肉及鸡蛋供应问题,例如准许鸡肉进口、增加本地玉米种植以减少30%进口玉米,以及透过农业银行向鸡农提供借贷周转等。

他说,该政策的最终目的依然是要让鸡肉及鸡蛋的供需能够自给自足,恢复自由市场。但在等待长期方案奏效的同时,政府可沿用津贴机制,以避免生活成本高涨,惟当局须简化肉鸡与鸡蛋的津贴机制,并确保鸡农及蛋农能够快速得到津贴。

他续说,这是为了避免犯下国盟的错误,导致鸡农和蛋农几个月都拿不到津贴,进而迫使他们退场,最终引发肉鸡及鸡蛋短缺问题。“另外,农业部也应调解蛋农及供应商之间的津贴配额问题,好让蛋农能够获得足够的津贴,才能鼓励他们生产更多平价的A、B、C鸡蛋。”

较早前,陈家兴也在国会要求贸工部密切关注芯片战争及地缘政治对大马的影响,尤其要提升中小企业在芯片工业供应链的产量及耐受性。#